

## ISI KANDUNGAN

1. Muqaddimah	1
2. Surat pengesahan pelajar ITM	2
3. Surat penyerahan RP	3
4. Pengenalan	4
5. Tujuan penyediaan RP	5
6. Potensi perniagaan	6
7. Sekalung budi	7-8
8. Perjanjian perniagaan	9-10
9. Logo perniagaan	11
10. Penerangan logo	12
11. Latar belakang perniagaan	13
12. Latar belakang pemilik / ahli kongsi	14-17
13. Rancangan pentadbiran	18-42
14. Rancangan operasi	43-66
15. Rancangan pemasaran	67-95
16. Rancangan kewangan	96-114
17. Lampiran	115-120
18. Borang-borang	

## *PENGENALAN*

Sunbright Maintenance adalah sebuah perniagaan perkongsian yang menyediakan perkhidmatan memcuci bangunan-bangunan di sekitar negeri kedah. Perniagaan perkongsian ini akan beroperasi di bangunan MARA dan ROB. Tapak ini dipilih adalah berdasarkan kedudukannya yang berhampiran dengan jalan utama iaitu Jalan Langgar dan Jalan Teluk Wanjah. Ianya membolehkan kami memberikan perkhidmatan yang lebih cekap kerana kualiti kerja perniagaan kami secara tidak langsung melambangkan imej syarikat kepada masyarakat. Perniagaan ini dijangkakan akan beroperasi pada 1 Januari 2001. Perniagaan ini dipilih kerana ia mempunyai potensi untuk berkembang maju. Bangunan yang terdapat di bandar Alor Setar memberi kami peluang untuk menjalankan perniagaan ini.

# **TUJUAN PENYEDIAAN** **RANCANGAN PERNIAGAAN**

Rancangan perniagaan ini disediakan adalah untuk :

- ❖ Memohon pembiayaan kewangan dari pihak bank untuk membiayai projek ini.
- ❖ Dengan adanya rancangan perniagaan ini diharapkan ia dapat memudahkan pihak bank untuk membuat penilaian ke atas daya maju projek serta potensi projek yang akan dijalankan ini dan seterusnya sanggup memberikan pinjaman yang dipohon.
- ❖ Melihat kepada betapa kurangnya usahawan bumiputera yang menceburi bidang ini, maka amat berfaedahlah rancangan perniagaan ini digunakan dalam merancang pelaksanaan yang baru ini.
- ❖ Penyediaan rancangan perniagaan ini juga antara lainnya bertujuan untuk dijadikan garis panduan dalam menguruskan perniagaan.
- ❖ Segala faedah dan prosedur yang terkandung di dalam rancangan perniagaan ini akan dapat membantu rakan kongsi perniagaan ini kelak.

## **POTENSI PERNIAGAAN PADA** **MASA HADAPAN**

Perniagaan ini berpotensi untuk berkembang, maju pada masa akan datang. Ini adalah kerana berdasar beberapa kriteria-kreteria berikut:

- ◆ Pertambahan bangunan-bangunan baru yang secara berterusan dari tahun ke tahun. Maka perkhidmatan mencuci bangunan akan sentiasa diperlukan di pasaran kerana permintaan terhadapnya adalah berterusan seiring dengan pertambahan bangunan baru.
- ◆ Masyarakat telah disedarkan dengan kepentingan kebersihan persekitaran untuk menjamin keselesaan dan minat untuk bekerja.
- ◆ Ianya berpotensi untuk berkembang di masa hadapan berdasarkan saranan kerajaan untuk mengalakkan rakyat Malaysia hidup dalam persekitaran bersih dan menjaga kebersihan.
- ◆ Memandangkan negara sedang mengalami masalah ekonomi, peluang pekerjaan juga banyak terbuka kerana terdapat ramai penganggur yang memerlukan pekerjaan. Disebabkan peluang kerja yang terhad maka peluang untuk mendapatkan tenaga buruh yang murah adalah mudah untuk diperolehi.
- ◆ Kedudukan tapak bangunan yang dicuci adalah strategik iaitu di Jalan Teluk Wanjah dan Jalan Tengku Ibrahim yang boleh dilihat oleh orang ramai dan memudahkan proses penghantaran pekerja dan mesin-mesin serta bahan-bahan pencuci.
- ◆ Berpotensi untuk berkembang maju memandangkan ianya diperlukan pada setiap masa tanpa mengira situasi ekonomi kerana kerana kebersihan amat diutamakan pada setiap masa.

**LATAR BELAKANG PERNIAGAAN**

NAMA PERNIAGAAN :Sunbright Maintenance.  
ALAMAT :No. 21 Taman Enggang,  
Alor Malai,  
05460 Alor Setar,  
Kedah Darulaman.

NO. TELEFON :04-7324112  
BENTUK PERNIAGAAN :Perkongsian  
KEGIATAN UTAMA :Perkhidmatan  
TARIKH MULA PERNIAGAAN :1 Januari 2001  
MODAL PERMULAAN :RM80,000  
NAMA PEMEGANG SAHAM :

- 1.Norayah bt. Mat Amin
- 2.Aini Fadzli bt. Mohd Kamil
- 3.Nor Mazlina bt. Mohammad
- 4.Rohana bt. Haris

NAMA BANK :Maybank Finance  
JENIS AKAUN :Bersama  
PENGURUSAN :Diuruskan oleh rakan kongsi sendiri  
MODAL DIPERLUKAN :RM20,000  
NO. AKAUN BANK :5-6987561-6